

PANDUAN KEMUDAHAN PERUBATAN **MBSA**



ISI KANDUNGAN

Kandungan

Tujuan

Pengenalan

Bahagian 1

1.1

1.2

Bahagian 2

2.1

2.2

2.3

2.4

2.5

2.6

2.7

2.8

2.9

Bahagian 3

3.1

3.2

Bahagian 4

4.1

4.2

4.3

4.4

4.5

Bahagian 5

5.1

5.2

5.3

5.4

5.5

5.6

5.7

5.8

5.9

5.10

Lampiran 1 :

Lampiran 2 :

Lampiran 3 :

Lampiran 4 :

Lampiran 5 :

MAKLUMAT UMUM

Tafsiran

Kuasa Jawatankuasa Perubatan Majlis Bandaraya Shah Alam

KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

Kelayakan

Rawatan Yang Ditanggung

Rawatan Yang Tidak Ditanggung

Kelayakan Wad

Surat Jaminan Perubatan

Rawatan Bersalin

Rawatan Pergigian

Rawatan Kepakaran Penyakit Jantung

Rawatan Penyakit Buah Pinggang/Hemodialisis

KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK KESIHATAN KERAJAAN

Kelayakan

Rawatan Yang Ditanggung

KEMUDAHAN RAWATAN PANEL PAKAR MAJLIS

Kelayakan

Rawatan Yang Ditanggung

Kelayakan Wad

Kemudahan Bersalin

Rawatan Kecemasan di Hospital Panel Pakar Majlis

KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK PANEL

Klinik Panel

Pendaftaran Klinik Panel

Kelayakan Klinik Panel

Rawatan Yang Ditanggung

Rawatan Yang Tidak Ditanggung

Pemeriksaan Kesihatan

Rawatan Pergigian

Rawatan Fisioterapi

Bayaran Balik Klinik Bukan Panel

Tanggungjawab Panel Klinik

- Senarai Hospital Pakar / Panel Klinik MBSA

- Klinik Pergigian

- Klinik 24 Jam

- Senarai Panel Optikal MBSA Tahun 2019

- Senarai Hospital Pakar MBSA Tahun 2019

Borang Perubatan 1/09 ([Permohonan perbelanjaan kemudahan di bawah pekeliiling perkhidmatan bilangan 21 tahun 2009](#))

Borang Permohonan Perbelanjaan Rawatan Kepakaran di Hospital Panel Pakar Majlis

Borang Guarantee Letter (GL) Kerajaan

Borang Guarantee Letter (GL) Bersalin

Borang Permohonan Bayaran Balik Kos Rawatan Perubatan daripada Hospital/ Klinik Bukan Panel.

Muka Surat

3

3

6

7

9

9-10

10

10

11

11

11

11-12

13-14

16

16

18

18-19

19

20

20-23

25

25

25

26

27

27

28

28

28-29

30

32-35

36

37

37

38-39

40-42

43-44

45

45

46-47

TUJUAN

Panduan Kemudahan Perubatan Majlis Bandaraya Shah Alam ini bertujuan memaklumkan dan menerangkan segala peraturan, peruntukan dan faedah-faedah kepada kakitangan Majlis. Kemudahan ini diberikan kepada semua kakitangan, keluarga dan pesara yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PENGENALAN

Panduan Kemudahan Perubatan Majlis Bandaraya Shah Alam ini menerangkan segala peraturan, peruntukan dan faedah-faedah kepada kakitangan Majlis. Peruntukan-peruntukan dalam garis panduan kemudahan ini adalah berdasarkan **Perintah Am Bab F : Perubatan 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2001 : Pelaksanaan Kemudahan Perubatan.**

Panduan Kemudahan ini diwujudkan untuk menetapkan perkhidmatan kemudahan Perubatan Majlis kepada Ahli Majlis, Pegawai, tanggungan dan Pesara Majlis yang layak seperti dinyatakan dalam panduan kemudahan perubatan. Kemudahan ini diberikan kepada semua kakitangan, keluarga dan pesara yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Perubatan Kali Pertama Tahun 2019 (1/2019) yang bersidang pada 10 Januari 2019 telah bersetuju dengan panduan kemudahan perubatan ini. Panduan Kemudahan ini kemudiannya diluluskan untuk dilaksanakan dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 08/2019 yang telah bersidang pada 2 Julai 2019.

Peraturan-peraturan yang terkandung dalam Panduan Kemudahan ini adalah merangkumi perkara-perkara seperti Kemudahan Perubatan di Hospital Kerajaan; Kemudahan Rawatan Klinik Kesihatan Kerajaan; Kemudahan Rawatan Panel Pakar Majlis; Kemudahan Rawatan Panel Klinik Majlis, serta Kemudahan Perubatan Majlis kepada Ahli Majlis, Pegawai, Tanggungan dan Pesara Majlis.

- 1.1.1: 'Panduan' bermaksud Panduan Kemudahan Perubatan Majlis Bandaraya Shah Alam.
- 1.1.2: 'Majlis' bermaksud Majlis Bandaraya Shah Alam.
- 1.1.3: 'Jawatankuasa Perubatan' bermaksud Jawatankuasa Perubatan Majlis.
- 1.1.4: 'Hospital' bermaksud sebarang Hospital Kerajaan, Klinik-klinik Kerajaan.
- 1.1.5: 'Hospital Swasta' bermaksud sebarang Hospital atau Klinik Swasta yang menyediakan khidmat kepakaran dalam bidang perubatan tertentu.
- 1.1.6: 'Pegawai Perubatan' bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
- 1.1.7: 'Doktor Prevet' bermaksud seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan kerajaan Malaysia.
- 1.1.8: 'Kecemasan' bermaksud rawatan kecemasan yang diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (life threatening). Contoh: sakit jantung, darah tinggi kritikal, sesak nafas (athma) dan kemalangan yang serius, kesukaran bernafas, pendarahan, tidak sedarkan diri dan keadaan pesakit yang mengganggu ketenteraman orang lain atau membahayakan dirinya atau orang lain sehingga boleh mengancam pesakit.
- 1.1.9: 'Panel Klinik Majlis' bermaksud klinik swasta yang dilantik oleh Majlis untuk memberi khidmat perubatan/ pergigian kepada kakitangan.
- 1.1.10: 'Kakitangan' bermaksud kakitangan Majlis yang dilantik secara
- i. Tetap,
 - ii. Kontrak COS (contract of service),
 - iii. Kontrak CFS (contract for service),
 - iv. Sambilan,
 - v. Pegawai yang dipinjamkan ditempatkan ke Majlis Bandaraya Shah Alam,
 - vi. Ahli Majlis MBSA.
- 1.1.11: 'Keluarga Kakitangan' bermaksud bagi kakitangan lelaki, isteri atau isteri-isteri yang berdaftar dengan Majlis dan anak-anaknya; dan bagi kakitangan perempuan, suami dan anak-anaknya yang berdaftar dengan Majlis.

1.1.12 : 'Anak' bermaksud:

- i. Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang, atau;
- ii. Berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih bersekolah, di bawah
- iii. umur 21 tahun, atau;

Anak-anak istimewa / anak cacat / anak kurang upaya yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak terpakai dan hendaklah berdaftar dengan Jabatan/ Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab. (Anak Istimewa ditanggung sekiranya menjadi istimewa dalam had tanggungan dan tidak ditanggung sekiranya menjadi istimewa diluar had tanggungan. Had tanggungan bermaksud berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun).

"Seseorang anak yang tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu adalah anak cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun"

1.1.13 : 'Ibu bapa' bermaksud ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

1.1.14 : 'Pesara' bermaksud kakitangan yang telah bersara atau dibersarakan di bawah Akta Pencen Badan Berkanun 1980 yang menerima pencen termasuklah Pesara Skim KWSP.

1.1.15 'Penyakit Kronik' bermaksud penyakit yang berlarutan dan sukar sembuh.


1.1.16 'Meninggalkan perkhidmatan' bermaksud Kakitangan yang berhenti dari perkhidmatan, atau dibuang kerja tidak layak mendapatkan kemudahan perubatan berkuatkuasa mulai dari tarikh kakitangan berhenti atau dibuang kerja.

1.3.1 : Panel Jawatankuasa Perubatan adalah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Setiausaha
Ahli : Pengarah Khidmat Pengurusan
Pengarah Kesihatan Persekitaran
Ketua Bahagian Undang-Undang
Ketua Bahagian Audit Dalam
Wakil Pekerja
Urusetia : Seksyen Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.3.2 Kuasa Jawatankuasa Perubatan Majlis :

- i. Membincang dan meluluskan permohonan-permohonan bayaran balik
- ii. daripada kakitangan.
- iii. Membincang dan meluluskan dasar-dasar baru berkaitan perubatan Majlis.
Jawatankuasa Perubatan Majlis berhak meminda, mengubah, membatalkan atau menambahkan mana-mana atau keseluruhan panduan pada bila-bila masa mengikut budibicaranya.



2.0 KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

2.1 | KELAYAKAN

- 2.1.1 : Kakitangan
- 2.1.2 : Keluarga Kakitangan
- 2.1.3 : Ibu bapa (bagi kakitangan bertaraf tetap dan kontrak (COS) sahaja)
- 2.1.4 : Pesara
- 2.1.5 : Kakitangan Sambilan dan Ahli Majlis adalah tidak layak untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan secara percuma di bawah tanggungan Majlis. Walaubagaimanapun mereka boleh mendapatkan rawatan dengan bayaran persendirian.

2.2 | RAWATAN YANG DITANGGUNG

- 2.2.1 : Perbelanjaan pembelian ubatan yang diperlukan oleh Pesakit tetapi tidak dapat disediakan secara percuma oleh Hospital.
- 2.2.2 : Perbelanjaan pembelian, penggantian dan pembaikpulihan alat ortopedik yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan tetapi tidak dibekalkan secara percuma oleh Hospital.
- 2.2.3 : Perbelanjaan suntikan perubatan yang diarahkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.
- 2.2.4 : Perbelanjaan bagi memasang '*implant*' dalam tubuh yang diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan.
- 2.2.5 : Perbelanjaan bagi pembekalan ubat, alat, perkhidmatan perubatan, dan rawatan kemandulan perlu mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan. Perintah Am Bab F Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik kerajaan. Walaubagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh seseorang pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan tidak dapat diperolehi di hospital/ klinik Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di hospital/ klinik/ agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 "Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan".

- 2.2.5.1 : Kakitangan perlu mendapatkan kelulusan pembiayaan kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/ klinik kerajaan, kecuali permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri; atau
- 2.2.5.2

Membuat tuntutan bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/klinik kerajaan berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

2.3 | RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG

- 2.3.1 : Perbelanjaan bagi pembelian, pembedahan dan pemasangan 'implant' untuk ibu bapa.
- 2.3.2 : Perbelanjaan pembelian, penggantian dan pembaikpulihan alat ortopedik dan anggota palsu **untuk ibu bapa.**
- 2.3.3 : Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan ritual dan kosmetik seperti berkhatan, rawatan botox, pembedahan plastik dan lain-lain.

2.4 | KELAYAKAN WAD

- 2.4.1 : Kelayakan wad kakitangan, keluarga, ibu bapa dan pesara adalah mengikut gred jawatan seperti di bawah :

KUMPULAN/GRED	KELAYAKAN WAD
PENGURUSAN TERTINGGI	KELAS SATU BILIK SEORANG
45-54	
31-44	KELAS SATU BILIK BERDUA
21-30	KELAS SATU BILIK BERTIGA
1-20	KELAS DUA

* tertakluk kepada fasiliti yang disediakan oleh pihak hospital.

- 2.4.2 : Bagi kakitangan, keluarga, ibu bapa dan pesara yang meminta dimasukkan ke wad yang lebih tinggi dari kelayakannya. Mereka dikehendaki membayar bayaran wad seperti yang dikenakan oleh pihak Hospital.

2.5 | SURAT JAMINAN PERUBATAN

- 2.5 : Kakitangan, keluarga, dan ibu bapa yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital dikehendaki mengemukakan Surat Jaminan Majikan (GL). Kakitangan hendaklah sentiasa mengemaskini maklumat terkini keluarga dengan mengisi Borang Penambahan Tanggungan sekiranya ada perubahan. Mereka yang tidak mematuhi peraturan ini tidak layak mendapat jaminan pembayaran daripada Majlis.

2.6 | RAWATAN BERSALIN

- 2.6 : Kakitangan wanita atau isteri kakitangan layak mendapat kemudahan rawatan bersalin di Hospital sepanjang perkhidmatan.

2.7 | RAWATAN PERGIGIAN DI HOSPITAL

- 2.7 : Kakitangan, keluarga, ibu bapa dan pesara layak mendapat rawatan pergigian di Hospital.

2.8 | RAWATAN KEPAKARAN PENYAKIT JANTUNG

- 2.8.1 : Kakitangan, keluarga, ibu/bapa dan pesara layak menerima rawatan/pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn Bhd/Hospital Kerajaan dan ditanggung oleh Majlis. Sebelum rawatan dibuat, kakitangan hendaklah :
- i. Mendapatkan pengesahan atau rujukan dari Pakar Perubatan Umum/Pakar Kardiologi Hospital/ Swasta/ Pakar yang bersesuaian untuk rawatan lanjut di Institut Jantung Negara Sdn Bhd, dan Hospital Kerajaan;
 - ii. Mengemukakan kepada Majlis anggaran kos bagi rawatan/pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn Bhd, Hospital Kerajaan;
 - iii. Memohon Surat Jaminan Perubatan dari Majlis bagi kakitangan dan surat pengesahan tanggungan bagi pesara.
 - iv. Rawatan di Institut Jantung Sdn. Bhd. perlu mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017** "Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan Dan Penjelasan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.".

2.8 | CARTA ALIR PERMOHONAN RAWATAN KEPAKARAN PENYAKIT JANTUNG



2.9.1 :

Kakitangan, keluarga, ibu/bapa dan pesara adalah layak bagi pembekalan ubat, alat, perkhidmatan perubatan dan rawatan penyakit buah pinggang di Hospital/Klinik/Agensi Swasta mengikut tatacara berikut:

- i. Mendapat rawatan di Hospital Kerajaan; dan
- ii. Kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh Hospital Kerajaan dan
- iii. Perakuan keperluan kemudahan perubatan dan pengesahan oleh Pegawai Perubatan mengenai perkara di perenggan (ii) di atas; dan
- iv. Rawatan hemodialisis tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan
- v. Pembedahan '**Arterio-Venous Fistula**' (**AVF**) di Hospital/Klinik Swasta boleh dipertimbangkan sekiranya dirujuk oleh Pegawai/Pakar Perubatan Hospital; dan
- vi. Perbelanjaan untuk pembekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan '**Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis**' (**CAPD**) boleh dipertimbangkan jika ia diperakukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh Hospital;
- vii. Perbelanjaan yang telah dibuat di Hospital/Klinik Swasta sebelum disahkan menghadapi '**End Stage Renal Failure**' (**ESRF**) oleh Pegawai Perubatan tidak boleh dipertimbangkan;
- viii. Memohon Surat Jaminan Perubatan dari Majlis. Staf perlu mengisi Borang Perubatan 1/09. (**Rujuk Lampiran 2**)
- ix. Rawatan Penyakit Buah Pinggang/Hemodialisis perlu mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 "Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan".

2.9 | CARTA ALIR PERMOHONAN RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG/HEMODIALISIS



Mula



Kakitangan mendapatkan rawatan awal di Hospital Kerajaan.



Kakitangan dapatkan surat pengesahan penyakit, dan melengkapkan Borang Perubatan 1/09.



Kakitangan dapatkan sebut harga di pusat dialisis yang akan beliau jalani rawatan.



Kakitangan menyerahkan Borang Perubatan 1/09 dan sebut harga pusat dialisis kepada Seksyen Sumber Manusia untuk mendapatkan kelulusan pihak pengurusan.



Penyediaan perakuan untuk sokongan dan kelulusan.



Hantar perakuan kepada :

- i. Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
- ii. Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Setiausaha
- iii. Datuk Bandar



Penyediaan surat kelulusan tanggungan.




Serah surat kelulusan untuk tandatangan Pengarah Khidmat Pengurusan.



Serah surat kepada pemohon / wakil.



Failkan.




3.0 KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK KESIHATAN KERAJAAN

- 3.1.1 : Kakitangan
- 3.1.2 : Keluarga Kakitangan
- 3.1.3 : Ibu bapa (bagi kakitangan bertaraf tetap dan kontrak (COS) sahaja)
- 3.1.4 : Pesara
- 3.1.5 : Kakitangan Sambilan dan Ahli Majlis adalah tidak layak untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan secara percuma di bawah tanggungan Majlis. Walaubagaimanapun mereka boleh mendapatkan rawatan dengan bayaran persendirian.

- 3.2.1 : Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar
- 3.2.2 : Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Ibu / Perkhidmatan Antenatal
- 3.2.3 : Perkhidmatan Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak
- 3.2.4 : Perkhidmatan Kesihatan Remaja
- 3.2.5 : Perkhidmatan Kesihatan Dewasa
- 3.2.7 : Perkhidmatan Kesihatan Orang Kurang Upaya
- 3.2.8 : Perkhidmatan Sokongan Klinikal
- 3.2.9 : Perkhidmatan Dietetik
- 3.2.10 : Perkhidmatan Dietetik
 - Perkhidmatan Kaunseling Pemakanan
 - Perkhidmatan Domisiliari

Perkhidmatan rawatan holistik di rumah yang diberikan kepada pesakit yang terlantar dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan selepas discaj dari hospital kerajaan.

- 3.2.11 Perkhidmatan Kendiri (*self monitoring*)



4.0
KEMUDAHAN
RAWATAN
PAKAR MAJLIS


4.1 | KELAYAKAN

- 4.1.1 : Kakitangan dan Keluarga.
- 4.1.2 : Kakitangan Pinjaman yang ditempatkan di MBSA.
- 4.1.3 : Kakitangan Sambilan dan Kontrak (CFS) adalah tidak layak untuk rawatan pakar.
- 4.1.4 : Peruntukan tahunan untuk warga kerja :

BIL	JAWATAN	PERUNTUKAN
1	Datuk Bandar	RM 50,000.00
2	Timbalan Datuk Bandar	RM 45,000.00
3	Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai Gred 48-54	RM 40,000.00
4	Pegawai Gred 41-44	RM 35,000.00
5	Pegawai Gred 29-40	RM 30,000.00
6	Pegawai Gred 1-26	RM 25,000.00

4.2 | RAWATAN YANG DITANGGUNG

- 4.2.1 : Rawatan yang dibenarkan di Panel Pakar Majlis ialah:



4.2.2 Mana-mana kos perubatan di hospital pakar lain yang dirujuk oleh panel Majlis akan ditanggung oleh Majlis, dengan syarat rujukan ke hospital tersebut adalah dicadangkan oleh hospital panel. Namun begitu, ringkasan laporan perubatan dan keperluan untuk rujukan ke hospital pakar lain perlu di kemukakan ke Seksyen Sumber Manusia untuk kelulusan pengurusan. Kakitangan perlu mendahulukan kewangan dan tuntutan semula kepada Majlis.

4.3 | KELAYAKAN WAD

4.2.2 Kelayakan Bilik rawatan Mengikut Gred Jawatan :

BIL	JAWATAN	KELAYAKAN WAD	BAYARAN WAD (RM)
1	Datuk Bandar	Single Suite	RM 380.00
2	Timbalan Datuk Bandar	Single Suite	RM 380.00
3	Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai Gred 44-54	Standard Suite	RM 180.00
4	Pegawai Gred 29-43	Two bedded	RM 150.00
5	Pegawai Gred 1-26	Four Bedded	RM 100.00

* Jika bilik yang diperuntukan melebihi kelayakan, pegawai perlu membayar perbezaan kos tambahan bilik tersebut.

4.4 | KEMUDAHAN BERSALIN

4.4.1 : Panel Hospital Pakar Bersalin

- i Hospital Bersalin UMRA
- ii Rangkaian Panel Hospital KPJ
(Kecuali KPJ Maharani dan KPJ Batu Pahat)
- iii AVISENA Specialist Hospital
- iv Columbia Asia Hospital
Bukit Rimau, Petaling Jaya, Puchong, Setapak, Cheras

- 4.4.2 : Peruntukan bersalin normal adalah sebanyak **RM2,500.00**. Peruntukan sehingga **RM5,000.00** bagi proses bersalin yang melibatkan kaedah pembedahan, vakum atau *forcep* bagi tujuan mengelakkan sebarang kemungkinan atau risiko kepada ibu dan anak yang dilahirkan.
- 4.4.3 : Dibenarkan untuk bersalin di mana-mana hospital swasta dengan tanggungan Majlis melalui tuntutan kaedah "*paid and claim*" "berdasarkan kelayakan".
- 4.4.4 : Peruntukan rawatan bersalin pakar termasuk rawatan keguguran, antenatal dan postnatal (rawatan semasa dan selepas bersalin)
- 4.4.5 : Rawatan bersalin di hospital pakar hanya dibenarkan **3 kali sahaja sepanjang perkhidmatan**.

4.5 | RAWATAN KECEMASAN DI PANEL HOSPITAL PAKAR

- 4.5.1 : **Kakitangan boleh mendapatkan rawatan kecemasan di hospital pakar tanpa mengemukakan Surat Jaminan Majikan (GL) terlebih dahulu berdasarkan situasi berikut : -**


- i. Serangan sakit jantung
- ii. Kecederaan di kepala
- iii. Pengan atau tidak sedarkan diri
- iv. Kemalangan jalan raya yang parah
- v. Mangsa kebakaran
- vi. Lemas
- vii. Sakit dada yang berterusan / kesukaran bernafas
- viii. Serangan asma
- ix. Luka yang dalam dengan pendarahan yang teruk
- x. Sawan dari pelbagai sebab
- xi. Keracunan / termakan ubat berlebihan
- xii. Tercekik (*Choking*)
- xiii. Kecederaan organ penting / patah tulang
- xiv. Reaksi alahan yang teruk (*severe allergic reaction*)
- xv. Hilang penglihatan
- xvi. Pendarahan yang banyak pada wanita

4.5.2 : Setelah kakitangan mendapatkan rawatan, kakitangan perlu menguruskan Surat Jaminan Majikan (GL) bagi rawatan yang telah diperolehi bagi kes kecemasan tersebut.


4.5.3 : Prosedur mendapatkan rawatan di panel hospital Pakar Majlis :

- i. Kakitangan perlu pergi ke panel klinik bagi mendapatkan rawatan awal bagi penyakit yang dihidapi. Sekiranya kes tidak dapat ditangani oleh panel klinik;
- ii. Kakitangan akan dirujuk ke Panel Hospital Pakar oleh panel klinik Majlis melalui sistem i-GL Online. Sistem ini sedang dipandu uji pada 2 buah hospital pakar sahaja iaitu KPJ Selangor Specialist Hospital dan Avisena Specialist Hospital;
- iii. Permohonan haruslah melalui sistem manual dan kakitangan perlu membawa refer letter ke Seksyen Sumber Manusia dan mengisi Borang Permohonan Majikan (GL) untuk mendapatkan rawatan di Hospital Pakar Majlis. Carta alir mendapatkan rawatan secara Online di hospital Pakar Majlis seperti berikut :

Carta Alir Permohonan Surat Jaminan Majikan (GL) secara Online



Carta Alir Permohonan Surat Jaminan Majikan (GL) secara Manual



PETUNJUK
 Proses kerja yang melibatkan pegawai Sumber Manusia



5.0 KEMUDAHAN RAWATAN PANEL KLINIK MAJLIS

5.1 | PANEL KLINIK

Majlis telah melantik beberapa klinik swasta sebagai panel Majlis. Bagi panel klinik yang mempunyai cawangan, pelantikan sebagai panel adalah terhad kepada klinik yang beralamat seperti didaftarkan sahaja. Pelantikan mana-mana klinik cawangan sebagai klinik panel hendaklah dibuat secara berasingan. Senarai panel klinik Majlis seperti di **lampiran 1**

5.2 | PENDAFTARAN PANEL KLINIK

Kakitangan hendaklah sentiasa mengemaskini maklumat terkini keluarga dengan mengisi Borang Penambahan Tanggungan atau mengemaskini maklumat keluarga pada sistem iPiS sekiranya ada perubahan. Mereka yang tidak mematuhi peraturan ini tidak layak mendapat jaminan pembayaran daripada Majlis.

5.3 | KELAYAKAN PANEL KLINIK

- 5.3.1 : Semua kakitangan layak menerima kemudahan perubatan di Panel Klinik.
- 5.3.2 : Pekerja Sambilan Harian hanya untuk diri sendiri dan tidak termasuk tanggungan mereka bagi kemudahan Panel Klinik Majlis.
- 5.3.3 : Kakitangan dan keluarga sahaja layak menerima kemudahan perubatan di Panel Klinik.
- 5.3.4 : Peruntukkan RM3,600 setahun bagi setiap kakitangan.
- 5.3.5 : Sekatan automatik dikenakan kepada kakitangan yang telah mencecah penggunaan peruntukan klinik biasa sebanyak RM3,600.00. Kakitangan berkenaan perlu membayar secara tunai sekiranya terlebih guna peruntukan perubatan.
- 5.3.6 : Surat peringatan akan dikeluarkan kepada semua kakitangan yang telah menggunakan peruntukan melebihi 50% pada bulan Jun setiap tahun

5.4 | RAWATAN YANG DITANGGUNG

5.4.1 : Rawatan pesakit luar untuk penyakit-penyakit biasa.

5.4.2 : Rawatan Penyakit Kronik

5.4.2.1 : Penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, asma kronik yang memerlukan rawatan berterusan selama sebulan atau lebih perlulah mematuhi syarat seperti berikut

i : Doktor panel atau kakitangan perlu memaklumkan kepada Majlis setelah penyakit dikenalpasti dan sebelum memulakan rawatan seterusnya (pesakit baru) ;

ii : Bagi pesakit kronik atau mempunyai penyakit berterusan yang memerlukan rawatan pakar, pesakit hendaklah dirujuk ke Hospital Kerajaan. **Kakitangan yang telah dikenalpasti mengidapi penyakit kronik dan perlu mendapat rawatan pakar tuan/puan dinasihatkan untuk merujuk sakit tuan/puan ke Hospital Kerajaan.*

5.4.3 : Rawatan Ante-natal/ Post-natal

5.4.4 : Imunisasi wajib untuk bayi dan kanak-kanak sehingga umur 18 bulan sahaja seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan (*BCG, DPT/OPV, Measles, Hepatitis* bayi, dos tambahan untuk *DPT/OPV*): - boleh dibuat oleh klinik Majlis dan klinik kerajaan.

5.4.5 : Ujian yang dilindungi seperti Dengue Rapid Test (NS1).

5.4.6 : Perkhidmatan diagnostik – Hanya diperlukan untuk tujuan mengenal pasti penyakit diagnostik dan rawatan. Laporan terperinci dari makmal diperlukan untuk memudahkan proses pembayaran.

5.4.7 : Rawatan untuk penyakit asma/lelah yang memerlukan pengambilan gas (*nebulizer*) dan inhaler.

5.4.8 : Pemeriksaan kesihatan kepada anak-anak kakitangan dibawah umur 21 tahun yang akan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi awam/swasta dan sekolah berasrama penuh (*x-ray, blood test dan urine test* sahaja). Perlu disertakan surat tawaran IPT.

5.5 | RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG

5.5.1 : Bayaran perubatan dan rawatan yang tidak akan dibiayai dan dilindungi oleh Majlis di bawah ini adalah seperti berikut :

- i : Pemeriksaan kesihatan untuk kemasukan kerja (*pre-employment medical check up*) untuk pekerja baru.
- ii : Sinar X (X-ray). Sebarang kes kemalangan perlu mendapat pengesahan Seksyen Sumber Manusia.
- iii : Kaedah Perancangan Keluarga (pengambilan ubat perancang keluarga, suntikan dan lain-lain yang berkaitan).
- iv : Semua jenis vitamin, makanan tambahan, steroid untuk kekuatan dan barangan kosmetik.
- v : Terapi tradisional atau *alternative* seperti sinseh, akupuntur, homeopati dan bomoh.
- vi : Imunisasi pilihan untuk orang dewasa seperti *hepatitis, tipiod, rubella, mumps, chicken pox*, dan lain-lain.
- vii : '*House-calls*' rawatan dan penjagaan persendirian.
- viii : Pemeriksaan dan ujian kesihatan yang diperlukan pihak ketiga bagi tujuan insuran permohonan membawa kenderaan, ujian saringan dan sebagainya.
- ix : Rawatan pembedahan plastik.
- x : Rawatan untuk penyakit teruk seperti pemindahan organ.
- xi : Berkhatan.

5.6 | PEMERIKSAAN KESIHATAN MENYELURUH

5.6.1 : Pemeriksaan perubatan (Medical Check-up), ujian makmal dan x-ray dada boleh dibuat di klinik panel atas arahan Majlis bagi tujuan:

- i : Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan oleh Majlis dan memerlukan pemeriksaan perubatan;
- ii : Memenuhi keperluan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994.

5.6.2 : Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh (Executive Screening Programme) RM500 bagi umur 35-60 tahun (2 tahun sekali) di panel Hospital Pakar Majlis.

5.7 | RAWATAN PERGIGIAN

- 5.7.1 : Kakitangan dan keluarga layak menerima rawatan di Panel Klinik Pergigian.
- 5.7.2 : Peruntukan termasuk di dalam had kelayakan rawatan panel klinik RM3,600.00 setahun.
- 5.7.3 : Tanggungan Majlis untuk tampalan dan cabutan gigi adalah RM130.00 untuk sekali rawatan.
- 5.7.4 : Pembedahan kecil (MOS) gigi adalah dibenarkan sekiranya kaedah biasa cabutan gigi tidak dapat dilakukan. Had maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak RM350.00 bagi sekali rawatan.
- 5.7.5 : Senarai panel klinik pergigian seperti di **lampiran 1**.
- 5.7.6 : Rawatan root canal gigi tidak ditanggung di panel klinik gigi Majlis.

5.8 | RAWATAN FISIOTERAPI

- 5.8.1 : Kakitangan dan keluarga layak menerima rawatan di Panel Klinik Fisioterapi.
- 5.8.2 : Peruntukan termasuk di dalam had kelayakan rawatan panel klinik RM3,600.00 setahun.
- 5.8.3 : Kakitangan dan keluarga **perlu mendapatkan pengesahan daripada klinik panel atau panel pakar Majlis** bagi mendapatkan rawatan fisioterapi. (Pesakit Baru)
- 5.8.4 : Senarai panel klinik fisioterapi seperti **di lampiran 1**.

5.9 | BAYARAN BALIK KLINIK BUKAN PANEL

- 5.9.1 : Tuntutan bayaran balik bagi kakitangan yang menggunakan perkhidmatan panel/klinik swasta selain dari panel klinik Majlis semasa berada di luar Ibu Pejabat/ di luar kawasan kediaman/ Kejadian kecemasan, boleh dilaksanakan berdasarkan kaedah berikut :
 - 5.9.1.1 : Kakitangan yang membuat tuntutan perlu mengemukakan borang tuntutan klinik bukan panel beserta alasan menggunakan perkhidmatan klinik/panel swasta dan resit asal yang menyatakan jumlah harga bagi setiap jenis rawatan dan jenis ubat. Tuntutan hanya dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya tuntutan melebihi daripada kadar harga rawatan yang telah ditetapkan, perbezaan harga rawatan hendaklah ditanggung sendiri oleh
 - 5.9.1.2 : kakitangan yang membuat tuntutan.
Contoh kes tuntutan yang melibatkan kakitangan berada di luar ibu pejabat / di luar kawasan kediaman:

5.9.1 : Tuntutan bayaran balik bagi kakitangan yang menggunakan perkhidmatan panel/klinik swasta selain dari panel klinik Majlis semasa berada di luar Ibu Pejabat/ di luar kawasan kediaman/ Kejadian kecemasan, boleh dilaksanakan berdasarkan kaedah berikut :

5.9.1.1 : Kakitangan yang membuat tuntutan perlu mengemukakan borang tuntutan klinik bukan panel beserta alasan menggunakan perkhidmatan klinik/panel swasta dan resit asal yang menyatakan jumlah harga bagi setiap jenis rawatan dan jenis ubat. Tuntutan hanya dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya tuntutan melebihi daripada kadar harga rawatan yang telah ditetapkan, perbezaan harga rawatan hendaklah ditanggung sendiri oleh kakitangan yang membuat tuntutan.

5.9.1.2 : Contoh kes tuntutan yang melibatkan kakitangan berada di luar ibu pejabat / di luar kawasan kediaman:

- a) Kakitangan dikehendaki oleh Majlis untuk bertugas di luar ibu pejabat dan ketika itu sakit/ditimpa kemalangan. Maka kakitangan dibenarkan untuk mendapatkan rawatan di mana-mana klinik.
- b) Kakitangan sedang bercuti di kampung halaman.
- c) Kakitangan berada di luar lingkungan 25km daripada kawasan rumah.

5.9.1.3 : Contoh kes-kes kecemasan yang layak membuat tuntutan adalah seperti berikut :-

- a) Berlaku kemalangan yang boleh mengancam nyawa dan terpaksa mendapatkan rawatan di klinik yang berhampiran dengan tempat kemalangan.
- b) Mengalami sakit yang memerlukan rawatan segera.
- c) Panel klinik yang dilantik tidak beroperasi (tutup) atau tidak beroperasi 24jam.
- d) Panel klinik tidak mempunyai stok ubat berkaitan dan pesakit perlu mendapatkan surat pengesahan doktor klinik tersebut (bagi penyakit tertentu).
- e) Panel klinik yang dilantik berjauhan daripada kawasan kediaman (Contoh : tinggal di Bukit Melawati, Kuala Selangor tetapi Klinik Panel yang paling hampir adalah Klinik Panel di Puncak Alam dan melebihi 25km daripada kawasan kediaman).

5.9.1.4 : Bagi kes-kes terpencil selain daripada perkara i, ii, dan iii, keputusan dibuat setelah berbincang di dalam Mesyuarat Perubatan Majlis dengan mengambilkira kesahihan kes.

5.9.1.5 : Tuntutan Klinik Bukan Panel perlulah dihantar ke Seksyen Sumber Manusia dalam tempoh 7 hari bekerja setelah kakitangan kembali bekerja.

5.1 | TANGGUNGJAWAB PANEL KLINIK

Panel klinik diwajibkan menggunakan sistem i-klinik untuk mendaftar bil rawatan dan mengemaskini maklumat peruntukan perubatan secara atas talian. Permohonan Surat Jaminan Majikan (GL) secara atas talian boleh dibuat melalui sistem i-GL bagi kakitangan yang perlu dirujuk ke hospital pakar.



LAMPIRAN

Senarai Hospital Pakar / Panel Klinik Majlis Bandaraya Shah Alam

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
1.	Poliklinik An-Nisa'	No. 26, Jalan 24/e, Seksyen 24, 40300 Shah Alam.	03-5523 0278 marketing@an-nisa.com.my nurikhwah_annisa@yahoo.com
2.	Klinik Metro Medics	No. 26, Jalan Perbadanan, Seksyen 26, 40400 Shah Alam.	03-5191 5193 03-5103 2611 (F) metrokn@hotmail.com.my
3.	Poliklinik Zulkifli	No. 92, Jalan Sg. Buloh, Kg. Baru Subang, 40000 Shah Alam.	03-7846 2444 poliklinik@ymail.com
4.	Klinik Dr. Zaini	No. 9, Jalan G U8/g, Bukit Jelutong, 47000 Shah Alam.	03-7845 5616 klinikdrzaini@gmail.com
5.	Klinik Dr. Jaafar	No. 96, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang.	03-3371 9682 03-3371 2304(F) kdjaafar@gmail.com
6.	Klinik Puteri Anwar	No. 16, Meru Indah 2, Meru, 41050 Klang.	03-3392 8836 03-3392 2913 (F) linikputerianwar97@gmail.com.my
7.	Klinik Ar Rayyan (Klinik Masya)	No. Gs 15, Jalan Puchong Indah 3/2,taman Puchong Indah, 47100 Puchong.	017-2459 258 linikrayyan@yahoo.com.my
8.	Kumpulan Medic	No. 22, Jalan Ss 15 /4d, Subang Jaya, 47500 Subang Jaya.	03-5633 0913 03-5631 5737 (F) kmsj@qualitas.com.my
9.	Klinik Zahara & Rosly	No. 14, Jalan Chempaka, Banting, 42700 Kuala Langat.	03-3181 3151 (No. faks sama) linikzahara@yahoo.com
10.	Klinik Norzila & Surgeri	No. 5, Jalan Sejat 8/10, Seksyen 8, 40000 Shah Alam.	03-5510 4988 (No. faks sama) drnorzila@yahoo.com.my

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO. TELEFON
11.	Klinik Dr. Noraini	No. 22, Jalan Liku 8/b, Seksyen 8, 40000 Shah Alam.	03-5513 0984 kldreini@gmail.com.my
12.	Klinik Medi Pesona (Klinik Dr. Roziah)	No. 20, Jalan Tg. Ampuan Zabedah K/9k, Seksyen 9, 40000 Shah Alam.	03-5880 6008 (No. faks sama) kmpshahalam@gmail.com.my
13.	Klinik Baharudin	No. 25 Jalan Bunga Melur Melur 2/18, Seksyen 2, 40000 Shah Alam.	03-5519 7989
14.	Koh Dispensary	No. 17, Jalan Niaga 16/3a, Seksyen 16, 40200 Shah Alam.	03-5519 1775 (No. faks sama) kohdispensary@yahoo.com.my
15.	Klinik Keluarga Rohani	No. 38, lorong Naluri Sukma A8/a, Bandar Baru Puncak Alam, 42300, Selangor.	03-5877 4010 03-33935928 (F) KKRPa38@yahoo.com.uk
16.	Poliklinik Sijangkang	No. 11, Taman Sri Medan, Teluk Panglima Garang, 42500 Kuala Langat.	03-3122 7234 (No. faks sama) poli_sijangkang@yahoo.com.my
17.	Klinik Ahmad Shah	No. 4, Jalan Tukas 18/34, Seksyen 18, 40200 Shah Alam.	03-5541 6025 03-55416263 (F) klinik18@yahoo.com
18.	Klinik Isahak	No. 18, Jalan Zirkon F7/f, Seksyen 7, 40000 Shah Alam	03-5511 8878 (No. faks sama) kni7sa@yahoo.com.my
19.	Klinik Rohana	No. 13, Tkt. Bawah, Jalan Tg. Ampuan Zabedah 9, 9/9b, Seksyen 9, 40100 Shah Alam.	03-5510 3626 (No. faks sama) Kri.0355@yahoo.com.my
20.	Klinik Anggerik	No. 6, Jalan Wau C 11/c, Seksyen 11, 40000 Shah Alam.	03-5510 5618 (No. faks sama) klinikanggerik@yahoo.com

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO. TELEFON
21.	Poliklinik Rami	No. 169, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang.	03-3341 5381 rami14@yahoo.com.my
22.	Klinik Zul	No. 8, Lorong Sg. Keramat 19, Taman Klang Utama, 42100 Klang.	03-3291 6500 (No. faks sama) hjhazlinaaziz@yahoo.com.my
23.	Poliklinik Shaik	No. 7, Jalan Anggerik Vanilla N 31/n, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam.	03-5122 9030 03-51222181 (F) Hanis.alshaikgroup@gmail.com.my
24.	Klinik Amina	No. 6-g-a, Lorong Orkid 2b, Off Jalan Lengkongan, Taman Raja Uda, 42000 Pelabuhan Klang.	03-3166 9294 klinikaminah@yahoo.com.my
25.	Klinik An-Nur	No. 26, Jalan Meranti Putih, Taman Desa Permai 2, Batu 7 ½ 41050 Meru, Klang.	03-3392 5671 (No. faks sama) klinikannurmeru@gmail.com.my
26.	Klinik Ana	No. 9, Gf Jalan Gelama Off Jalan Sg. Bertik, Telok Gadong, 41100 Klang	03-3377 1711 (No. faks sama) karimzkr980@gmail.com
27.	Klinik Mesra Jaya	No. 2, Jalan Singa D 20/d, Seksyen 20, 40300 Shah Alam.	03-5542 2388 (No. faks sama) klinikmesrajayahq@gmail.com
28.	Klinik Menara	No. 27, Jalan Pelapik B U8/b, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam.	03-7843 9101 03-7843 9102 (F) klinikmenara@gmail.com norfarahin5316@gmail.com.my
29.	Klinik Nik Isahak	No. 24, Jalan Pinang C 18/c, Seksyen 18, 40200 Shah Alam.	03-5542 5611 kn118@yahoo.com
30.	Sport Physio. & Rehabilitation	36, Jalan Ang Seng, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur	

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
31.	Klinik Orthopedik Dinamik Sdn. Bhd.	No. 17, Jalan Kristal L7/7, Seksyen 7, 40100 Shah Alam.	03-5519 9003 (No. faks sama) physio9003@yahoo.com
32.	Poliklinik As-Syakirin	No. 23g (Ground Floor), Jalan Pulau Lumut P, U10/p, Alam Budiman, Seksyen U10, 40170 Shah Alam.	03-7842 7607 (klinik) 013-2419 983 (Dr.Suriati) 019-6600 098 (Dr.Syakirin) Poliklinikas-syakirin@gmail.com.my
33.	Poliklinik Dr. Azhar dan Rakan-Rakan	No. 10, Ground Floor, Jalan Bumi Aw, U5/aw, Seksyen U5, 40150 Shah Alam.	03-7831 1230 pdarshahalam@yahoo.com
34.	Klinik Dr. Nurzawati	No 45, Ground Floor Jalan Pulau Lumut Pu/10p, Seksyen U10 40150, Alam Budiman, Shah Alam Selangor	03-7831 8523 klinikdrnurzawati@gmail.com
35.	Klinik dan Surgeri Sri Muda	No. 25, Jalan Mewah 25/63, Taman Sri Muda, Seksyen 25, 40000 Shah Alam	03-5131 9848 03-5120 1948 (F) kdssm25@gmail.com
36.	Klinik Sofia (Concise Medic Sdn. Bhd)	No 43, Jalan Pelabur B 23/b, Seksyen 23, 40300 Shah Alam	03-5541 1272 03-5545 1284 (F) kliniksofia23@gmail.com
37.	Poliklinik Ludher Bhullar & Rakan-Rakan	No.15 Jalan 17/24, Seksyen 17, 40000 Shah Alam	03-5545 3510 pkludher17@gmail.com
38.	Poliklinik Mediprima	No. 27, Jalan Pelapik B U8/b, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam.	03-7843 9101 03-7843 9102 (F) klinikmenara@gmail.com norfarahin5316@gmail.com.my
39.	Poliklinik Prima	2371, Jalan 1a/3, Bandar Baru Sungai Buloh, 47000 Selangor	03-6157 5746 (klinik) 03-6140 3695 (office) prima-k@hotmail.com
40.	Klinik Danial	No.5-1 Jalan Selasih J U12/j, Taman Cahaya Alam, 40170 Shah Alam.	03-3358 7554 klinikdanial@gmail.com
41.	Klinik Siti Shah Alam	No. B-7-G (Tingkat Bawah), Jln Serai Wangi G 16/G, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor.	011-1120 2606
42.	Klinik Siti Kota Warisan	No 17-G, Jalan Warisan Sentral 1, KIP Sentral, Kota Warisan, 43900 Sepang, Selangor.	011-1031 4602

KLINIK PERGIGIAN

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
1.	Doktor Pergigian Vijay	No. 21A, Jalan Jati 3/13A, 40000 Shah Alam	03-5510 6010 dsvijaya21@gmail.com
2.	Klinik Ch'ng Dental Surgery	No. 20/1, Jalan Anggerik Vanila 31/R, Kota Kemuning 40460 Shah Alam.	03-5122 9334 010-220 2132 (hp klinik) 016-621 9496 Keanhinchng1953@gmail.com
3.	Klinik Pergigian Ana	No. 3A Jalan Pelabur B 23/B, Seksyen 23, 40300 Shah Alam	03-5545 3282 016-357 1885 (Dr.Ana) dranafariza@yahoo.com anafariza84@yahoo.com
4.	Klinik Pergigian Famili	No. 18-M, 7F/F, Jalan Zirkon, Seksyen 7, 40000 Shah Alam.	03-5512 2969 (Dr. Yusuf 014-9661096) klinikgigifamili@gmail.com
5.	Klinik Pakar Pergigian Norlina	05-01, D Bayu Shop, Jalan Serambi U8/24, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam.	03-7846 2509 (No. faks sama) kppnorlina@gmail.com
6.	Klinik Pergigian Alya	No. 4A, Jalan Timun 24/E, Seksyen 24, 40000 Shah Alam.	013-211 9420 (klinik) 03-5545 8420 (klinik) norharizah82@gmail.com
7.	Klinik Pergigian U5	No. 20 Jalan Bumi AW U5/AW, Seksyen U5, 40150 Shah Alam.	03-7859 9757 U5dentalclinic13@gmail.com

KLINIK 24 JAM

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
1.	Klinik Anis	No. 17, Jalan Bunga Melor 2/18, Seksyen 2, 40000 Shah Alam.	03-5510 3840 03-5510 4024 (F) kasa@qualitas.com.my
2.	Klinik Dr. Rosli	No. 47, Jalan Pinang B 18/B, Seksyen 18, 40200 Shah Alam	03-5541 3119 03-5541 5730 (F) kdsec18@gmail.com
3.	SALAM Specialist Hospital (Poliklinik)	No. 2-4, Jalan Nelayan 19/B, Seksyen 19, 40300 Shah Alam.	03-5543 4000 03-5541 0503(F) 03-5541 5711 (F) hasniza@salam.com.my
4.	Klinik Alam Medic	No. 41, Jalan Makmur 25/64, Taman Sri Muda, Seksyen 25, 40400 SHAH ALAM.	03-5121 4177 03-5124 9286 (F) tmsalammedic@yahoo.com
5.	Pusat Rawatan Putra (Poliklinik)	No. 47, Jalan BRP 1/3, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh.	03-6156 4735 03-6157 8109 (F) admissionpmc@gmail.com
6.	Klinik Nadi Iman	No. 4, Lot 614, Jalan Tajuh 27/29A, Taman Bunga Negara, 40400 Shah Alam.	03-5191 9657 (No. faks sama) nadiimanmedical@gmail.com
7.	Klinik Shah Alam	No. 4, Jalan Adil 25/10, Taman Sri Muda, 40400 Shah Alam.	03-5121 2375 03-5121 5455 (F) klunikshahalam@yahoo.com

SENARAI PANEL OPTIKAL MBSA TAHUN 2019

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
1.	REISS EYEZ OPTICAL	LOT 1-14 First Floor, Anggerik Mall, Shah Alam.	03-5524 0404 (kedai) 019-211 1722 (Kak Yati) 019-244 5150 (En.Zaidi)
2.	MENARA OPTOMETRY	No. 26, Jalan Pinang D 18/D, Seksyen 18, Shah Alam. HQ MENARA 03-7727 9920	03-5542 5232 sib@menaraoptometry.com.my
		Lot G23, G24, G25, Ground Floor, Plaza Alam Sentral, Shah Alam.	03-5512 1923 pas@menaraoptometry.com
3.	PUSAT OPTOMETRI ALC 1 STATION	No. 14, Jalan Tengku Ampuan Zabedah K9/K, Seksyen 9, Shah Alam.	03-5880 1886 014-336 1642 (klinik)
4.	EYELAND OPTICAL	No. 26, Ground Floor, Jalan Murni 25/61, Taman Sri Muda, 40000 Shah Alam.	03-5124 6618 Veronica.engsc@hotmail.com

SENARAI HOSPITAL PAKAR MBSA TAHUN 2019

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
1.	PUSAT PERUBATAN DAN BERSALIN UMRA	14-18, Jalan Bola Tampar 13/14, Seksyen 13, 40100 Shah Alam	03-5518 4319 03-5519 4319 03-5511 4319 (F)
2.	KPJ SELANGOR SPECIALIST HOSPITAL	Lot 1, Jalan Singa 20/1, Seksyen 20, Shah Alam	03-5543 1111
3.	KPJ HEALTHCARE BERHAD	Level 12, Menara 238, 238 Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur, Malaysia.	03-2681 6222 03-2681 6888(F)
4.	KPJ KLANG SPECIALIST HOSPITAL	No 102, Persiaran Rajawali/KU1, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor, Malaysia	03-3377 7888
5.	COLUMBIA ASIA HOSPITAL BUKIT RIMAU	No. 3, Persiaran Anggerik Eria, Bukit Rimau, Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	03-5125 9999
6.	COLUMBIA ASIA HOSPITAL PETALING JAYA	Lot 69, Jalan 13/6, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	03-7949 9999
7.	COLUMBIA ASIA HOSPITAL PUCHONG	No. 1, Lebuhr Puteri, Bandar Puteri Puchong, 47100 Puchong, Selangor.	03-8064 8688
8.	COLUMBIA ASIA HOSPITAL CHERAS	Lot 33107, Jalan Suakasih, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.	03-9086 9999
9.	COLUMBIA ASIA HOSPITAL SETAPAK	No. 1, Jalan Danau Saujana, Off Jalan Genting Klang, 53300 Kuala Lumpur.	03-4145 9999

BIL.	NAMA KLINIK	ALAMAT	NO.TELEFON
10.	AVISENA Specialist Hospital	No.4, Jalan Ikhtisas, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor.	03-3393 4797
11.	KPJ SELANGOR SPECIALIST HOSPITAL	202A, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia	03-4023 3599
12.	KPJ SEREMBAN SPECIALIST HOSPITAL	6219-6220, Jalan Tioman 1, 70200 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia	06-767 7800
13.	RS MEDIKA PERMATA HIJAU	Jl. Raya Kebayoran Lama No.64 (Permata Hijau) Jakarta Barat Kode Pos : 11560	62 21 5347411
14.	RS MEDIKA BSD	Jln. Letnam Soetopo Kav. III A No. 7 BSD City Tangerang-Selatan Banten 15330	Customer Service 021-537 2296 (ext.805)
			Gawat Darurat / Emergency 021-537 8609
			Pendaftaran Rawat Jalan 021-537 2296 (ext.830 / 841)
			SMS / Daftar Rawat Jalan 0813 8025 2053
			Keluhan / Saran SMS 0821 1043 8524
			Supervisor in Charge 0821 1043 8531
15.	MSU MEDICAL CENTRE	Persiaran Olahraga, Seksyen 13, Shah Alam.	03 5526 2600

13. Dokumen Sokongan Yang Disertakan

- Surat Pengesahan Pegawai/ Pakar Perubatan
- Surat Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia
- Surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
- Surat Pengesahan Institusi Pendidikan/ Pengajian Tinggi
- Dokumen Kewangan (*contoh: resit, invoice, sebut harga atau dokumen kewangan lain yang berkaitan*)

BAHAGIAN III

14. Pengesahan Pegawai/ Pesara

"Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I** dan **Bahagian II** di atas adalah benar belaka. Berkaitan itu, saya memohon supaya perbelanjaan bagi maksud kemudahan perubatan yang diperolehi sebanyak RM _____ adalah ditanggung oleh Kerajaan."

Tandatangan (_____) Tarikh _____
(nama penuh)

BAHAGIAN IV

Perakuan Dan Pengesahan Oleh Pegawai/ Pakar Perubatan Kerajaan (*silalah gunakan lampiran sekiranya perlu*)


15. Nama/ Jenis Penyakit Yang Dihidapi Oleh Pesakit

16. Nama Atau Jenis Ubat/ Alat/ Perkhidmatan Perubatan/ Rawatan Yang Diperakukan Kepada Pesakit

17. Sebab-sebab Ubat/ Alat/ Perkhidmatan Perubatan/ Rawatan Yang Diperlukan Oleh Pesakit Tidak Dapat Dibekal/ Disediakan Oleh Hospital/ Klinik Kerajaan

18. Perakuan Dan Pengesahan Pegawai/ Pakar Perubatan Kerajaan

"Saya dengan ini memperakukan bahawa kemudahan perubatan seperti di **butiran 16** di atas diperlukan oleh pesakit berdasarkan penyakit yang dihidapinya. Saya juga mengesahkan bahawa kemudahan perubatan berkenaan tidak dapat dibekal/ disediakan oleh pihak hospital/ klinik atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan dalam **butiran 17** di atas."

Tandatangan (_____) Nama & Cop Rasmi Pegawai/ Pakar Perubatan
(nama penuh) 


Jawatan _____
Tarikh _____

BAHAGIAN V

Kelulusan Penggunaan Ubat (*ubat yang tidak disenaraikan dalam senarai ubat-ubatan KKM/ hospital universiti sahaja*)

19. Kelulusan Penggunaan Ubat Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia/ Pengarah Hospital Universiti

"Penggunaan ubat yang **tidak disenaraikan** dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia/ hospital universiti seperti di **butiran 16** di atas adalah *DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN."

Tandatangan (_____) Cop Rasmi KKM/ Pengarah Hospital Universiti
(nama penuh) 

Jawatan _____
Tarikh _____

* *potong mana yang tidak berkenaan*

BAHAGIAN VI

20. Pengesahan Dan Keputusan Ketua Jabatan

"Saya dengan ini mengesahkan bahawa permohonan pegawai/ pesara mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009. Berkaitan itu, permohonan perbelanjaan bagi maksud kemudahan perubatan yang diperolehi sebanyak RM_____ adalah *DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN."

Nama & Cop Rasmi

Tandatangan

(_____)
(nama penuh)

Jawatan

Tarikh

* potong mana yang tidak berkenaan

--



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]

**BORANG PERMOHONAN PERBELANJAAN RAWATAN KEPAKARAN
DI HOSPITAL PANEL PAKAR MAJLIS**

- ✿ Setiap permohonan perlu disertakan dengan **surat rujukan daripada klinik panel / hospital panel untuk setiap kali rawatan**. Kegagalan mendapat surat rujukan tersebut akan menyulitkan permohonan ini.
- ✿ Kakitangan juga diminta untuk mendapatkan bil / resit bagi setiap rawatan daripada pihak **hospital panel** untuk simpanan / rujukan selepas mendapatkan rawatan pakar.
- ✿ Perlu diingatkan bahawa rawatan pakar ini adalah **KEMUDAHAN** yang disediakan oleh pihak Majlis dan **BUKAN HAK** setiap kakitangan.
- ✿ Tandakan (✓) di ruang berkenaan.

A. BUTIR DIRI KAKITANGAN / PESAKIT

1. Nama Penuh Kakitangan

No. Kad Pengenalan

2. Jabatan dan No. Telefon

3. Nama Pesakit (Jika bukan Kakitangan)

No. Kad Pengenalan

4. Hubungan Pesakit Dengan Kakitangan

Suami Isteri Anak

Tarikh

Nama Penuh

Tandatangan

B. PENGESAHAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

1. Tarikh terakhir mendapatkan rawatan pakar : _____ / _____ / _____

2. Jumlah yang telah digunakan : RM _____

3. Baki terkini peruntukan rawatan pakar yang masih belum digunakan : RM _____

Tarikh

Nama Penuh

Tandatangan

C. PENGESAHAN PEGAWAI PERUBATAN MBSA :

1. Rujukan Kepada :

- (a) Physician
- (b) General Surgeon
- (c) Paediatrician
- (d) Obstetrician / Gynaecologist
- (e) Orthopaedic Surgeon
- (f) Dermatologist
- (g) ENT Specialist
- (h) Ophthalmologist

2. Hospital Panel Rujukan : KPJ AVISENA HOSPITAL KERAJAAN
 UMRA COLUMBIA ASIA

3. Saya mengesahkan permohonan di atas adalah **memenuhi / tidak memenuhi syarat dan kelayakan** yang ditetapkan oleh Majlis. Permohonan adalah (**disokong / tidak disokong**).

4. Nama Rawatan / Diagnosis :

Tarikh

Nama Penuh

Tandatangan

D. KELULUSAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

(Atas sebab-sebab kecemasan atau ketiadaan Pegawai Perubatan)

1. Permohonan rawatan _____ adalah diluluskan / tidak diluluskan

2. Ulasan jika tidak diluluskan :

Tarikh

Nama Penuh

Tandatangan

BORANG GUARANTEE LETTER (GL)
(HOSPITAL KERAJAAN)

NAMA	
NO. K/P	
JABATAN	
JAWATAN	
GRED GAJI	
GAJI	
TARAF JAWATAN	

DIRI SENDIRI		PASANGAN		ANAK		IBU/BAPA	
---------------------	--	-----------------	--	-------------	--	-----------------	--

NAMA PESAKIT	
HOSPITAL	

BORANG GUARANTEE LETTER (GL)
(PEMERIKSAAN MENGANDUNG/BERSALIN)

NAMA	
NO. K/P	
JABATAN	
JAWATAN	
GRED GAJI	
GAJI	
TARAF JAWATAN	

DIRI SENDIRI		PASANGAN	
---------------------	--	-----------------	--

NAMA PESAKIT	
HOSPITAL	

E. PERAKUAN

Saya dengan ini mengaku telah mendahulukan bayaran rawatan perubatan di atas.
Bersama-sama ini di sertakan resit bayaran bertarikh _____ untuk tindakan tuan.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

F. ULASAN

i) Seksyen Sumber Manusia

Tarikh : _____

(Tandatangan / Cop)

ii) Pegawai Perubatan Majlis

Disokong / Tidak Disokong

Tarikh : _____

(Tandatangan / Cop)

iii) Pengarah Khidmat
Pengurusan

Diluluskan / Tidak Diluluskan

Tarikh : _____

(Tandatangan / Cop)



Diterbitkan Oleh

Seksyen Sumber Manusia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Bandaraya Shah Alam
Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
Peti Surat 7200, 40000 Shah Alam, Selangor.



603-5510 5133
samb. 1413/1724



pengurusan@mbsa.gov.my



www.mbsa.gov.my